

Penduduk tiga kampung lega banjir kilat berakhir

► Taiping

Lebih 1,000 penduduk di tiga kampung di Changkat Jering di sini, lega apabila masalah banjir kilat berpunca daripada limpahan air parit yang gagal diselenggara dengan baik, selesai.

Penduduk Kampung Simpang, Jalan Kuala Kangsar, Kampung 50 1/2 Simpang dan Kampung Dato' Haji Hashim Batu 2 1/2 di Jalan Simpang, mengucapkan terima kasih kepada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Larut Matang dan Selama (LMS).

Kerja membersihkan parit dan longkang yang dipenuhi semak serta sampah, dapat me-

ngatasi masalah air bertakung.

Saliran tersumbat menyebabkan air tidak boleh mengalir ketika hujan lebat dan melimpah menyebabkan banjir kilat.

Gangguan ular berbisa

Wakil penduduk, Mohd Yusof Ghani, berkata ketiga-tiga kampung itu sebelum ini sering mengalami banjir kilat setiap kali hujan lebat.

Longkang dipenuhi semak antara punca berlaku banjir. Keadaan disebabkan aliran tersumbat hingga menyukarkan air hujan mengalir.

Katanya, penduduk sering cemas bukan sahaja bimbang ru-

SEBELUM



Keadaan parit yang **dipenuhi sampah** menyebabkan masalah banjir kilat di tiga kampung di Changkat Jering, Taiping sebelum dan selepas dibersihkan JPS.

mah mereka dimasuki air, malah binatang berbisa seperti ular.

Seorang lagi penduduk, Rohani Ahmad, berkata banjir kilat yang berlaku sebelum ini disebabkan air tidak boleh mengalir

SELEPAS



lancar kerana parit dan longkang tersumbat.

JPS dalamkan parit

"Hasil aduan, pihak JPS bertindak membersihkan dan mendalamkan parit di sini.

"Turut dibersihkan ialah semak yang menghalang aliran. Longkang yang dipenuhi sampah hingga tersumbat juga dibersihkan. Kini aliran hujan tidak lagi tersekat dan masalah banjir dapat diatasi," katanya.

[FOTO YAHYA AWANG/BH]